



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan bergambar ramai pada Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA.

**Dari muka 9**

Pada majlis tersebut juga DYTМ seterusnya berkenan merasmikan Pelancaran Buku-buku Terbaharu Terbitan UNISSA.

UNISSA berjaya menerbitkan 27 buah buku dalam pelbagai bidang hasil tulisan tenaga akademik tempatan dan luar

negara. Sebanyak tujuh buah buku dalam bahasa Melayu, termasuk buku terbitan khas sempena 10 tahun penubuhan UNISSA, empat buah dalam bahasa Inggeris dan 12 buah dalam bahasa Arab, di samping itu, sebanyak tiga buah jurnal dan sebuah Monograf juga diterbitkan.

Antara buku-buku yang menarik perhatian ialah "10 Tahun Kegemilangan UNISSA Mencorak Masa Depan Ummah", hasil tulisan Norarfan Zainal dan Rose Abdullah; "UNISSA : Satu Dekad Perkembangan dan Pencapaian" juga hasil suntingan Norarfan Zainal dan Rose Abdullah; "Ciri-Ciri Khusus Penulisan

Islami Mengandungi Nilai Ukhrawi" hasil tulisan Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis Abdul Razak Nur; "Aplikasi Istibdal Wakaf Dalam Pembangunan : Kajian Perbandingan Antara Brunei Darussalam dan Malaysia" hasil suntingan Zakaria Bahari, Kamaru Salam Yusof dan Rose Abdullah; "Islamic Principles Of Human Rights: Reframed By The West" hasil tulisan Nehaluddin Ahmad; "Managing Oil Wealth : Lessons For Brunei To Learn From Norway" hasil tulisan Khairul Hidayatullah Basir; "The Woman In The Literature Of Al-Rafifi" (dalam bahasa Arab) hasil tulisan Moustafa Mohammed Rizk Elsawahly dan "Conversational Arabic For Hajji - Umrah - Ziarah".

"Conversational Arabic For Hajji - Umrah - Ziarah" yang merupakan sebuah buku terjemahan daripada Panduan Hajji dan Umrah yang diterbitkan pada tahun 2017. Oleh kerana sambutan yang menggalakkan buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris bagi membantu jemaah untuk menunaikan Fardu Hajji.

Semua buku-buku terbitan UNISSA Press boleh didapati di UNISSA atau kedai-kedai buku di Negara Brunei Darussalam. Buku-buku terbitan tersebut dihasratkan menjadi bahan ilmiah dan sumber rujukan

kepada para pelajar dan masyarakat awam dan akan dapat memperkaya lagi bahan bacaan yang sedia ada.

DYTМ juga seterusnya diperkenalkan dengan para mahasiswa UNISSA yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti ilmiah dan kemasyarakatan.

Turut serta dalam pameran tersebut ialah Jabatan Ukur dan Persatuan Astronomi Brunei Darussalam serta beberapa persatuan dan pertubuhan belia di Brunei.

Sebelum berangkat meninggalkan galeri pameran, DYTМ berkenan menerima pesambah daripada Rektor UNISSA berupa seni sulaman benang emas dari India, bertatahkan batu nilam (sapphire), batu akik, fairuz, zamrud, dan bermacam-macam lagi.

DYTМ seterusnya berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para mahasiswa serta penyarah-penyarah UNISSA sebelum berangkat balik meninggalkan majlis.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj merupakan majlis tahunan terbesar yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) bagi memeriahkan lagi Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA yang pada lazimnya diadakan setiap tahun bagi meraikan pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian mereka di universiti tersebut.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 Tahun kali ini diunggayahkan bersama oleh Bahagian HEP dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa sebagai peneraju utama dengan kerjasama Fakulti Pembangunan Pengurusan Islam dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Sepanjang Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-8 UNISSA, beberapa pertandingan dan sesi akademik akan berlangsung mengikut hari-hari yang ditetapkan, antaranya Forum Belia, Bengkel dan Peraduan Penuliasan Seni Khat, Bengkel Pemantapan Solat Berjemaah, Bengkel English Oratory & English Oratory Competition dan beberapa aktiviti permainan.

Jualan Bazar juga dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula 8 hingga 11 September, bermula 8.00 pagi hingga 9.00 malam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengarkan sembah penerangan ketika menyaksikan Galeri Pameran Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA.



ANTARA tetamu khas yang hadir pada majlis berkenaan (kiri). Sementara gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

